

KUALA LUMPUR, 19 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MAHUKAN KAKITANGAN KERAJAAN MEMBUAT IKRAR UNTUK MEMANAM DAN MENENTUKAN NILAI-NILAI BERSIH, CEKAP DAN AMANAH (BCA) YANG DIPELOPORI OLEH KERAJAAN BENAR-BENAR DIAMALKAN.

PERDANA MENTERI MENJELASKAN PEMERINTAHAN YANG BERSIH, CEKAP DAN AMANAH AKAN MELICINKAN PENTADBIRAN DAN URUSAN KERAJAAN, MEMPERTINGKATKAN LAGI DAYA PENGELUARAN DAN MENJADIKAN NEGARA STABIL, KUKUH DAN KUAT.

TETAPI, KATANYA, JANJI ASAL DIBUAT SEMATA-MATA OLEH PEMIMPIN POLITIK KERAJAAN SAHAJA DAN TIDAK ADA JANJI YANG SAMA DIBUAT OLEH PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN YANG MANA TUGAS MEREKALAH YANG AKAN MEMBAWA HASIL YANG DIIDAMKAN.

"TIDAK ADA USAHA YANG LEBIH PENTING DARIPADA MEMANJANGKAN JANJI-JANJI INI KEPADA PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN. ITULAH SEBABNYA HARI INI KITA SEMUA BERHIMPUN UNTUK BERIKRAR," PESAN BELIAU KEPADA 10,000 ORANG KAKITANGAN KERAJAAN YANG MENYERTAI PELANCARAN KEMPEN KEPIMPINAN MELALUI TAULADAN DI STADIUM TUN ABDUL RAZAK DI SINI.

MENGHURAIKAN RASIONAL DI SEBALIK KONSEP BCA, BELIAU MEMERANGKAN IA DIBUAT KERANA BUKAN SAHAJA AKAN MEMBOLEHKAN KEMAJUAN YANG PESAT; TETAPI RAKYAT KESELURUHANNYA AKAN HIDUP LEBIH BAHAGIA HASIL DARI AMALAN NILAI-NILAI YANG MULIA ITU.

-- LAGI 1504/LK

#### MAHATHIR-BCA 2 KUALA LUMPUR

OLEH DEMIKIAN, TEGASNYA, SEMUA KAKITANGAN KERAJAAN HENDAKLAH MEMBAHARUI AZAM BAGI MENINGKATKAN TARAF PENCAPAIAN SERTA MUTU DAN HASIL KERJA Masing-masing, SELARAS DENGAN CITA-CITA KE ARAH MENCAPAI KESEJAHTERAAN, KETEGUHAN DAN KEDAULATAN NEGARA.

"MEREKA YANG SEMPURNA KERJANYA, LAMBAT-LAUN AKAN DIHORMATI DAN DISEGANI DAN AKAN DIBERI LAYANAN YANG SAKSAMA," TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA TANPA PENTADBIRAN YANG BERSIH, CEKAP DAN AMANAH DI SEMUA PERINGKAT -- DARI PEMIMPIN POLITIK DAN PEGAWAI PENTADBIRAN AWAM YANG TERTINGGI HINGGA KE BUDAK PEJABAT -- NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA TIDAK AKAN MAJU JAYA DAN TIDAK AKAN DIHORMATI OLEH SESIAPA.

"AKAN SIA-SIA SAHAJALAH KEMERDEKAAN YANG KITA CAPAI KERANA MARUAH KITA AKAN TERUS BERADA DI TAHAP LAMA, TAHAP ORANG YANG DIJAJAH, TAHAP HAMBAN YANG HINA.

"TIDAK ADA SESIAPAPUN YANG BOLEH KITA SALAHKAN OLEH KERANA NASIB KITA TELAH BERADA DI DALAM TANGAN KITA SEJAK 26 TAHUN LALU," TAMBAH BELIAU.

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGGATKAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH SAHAJA TIDAK MENCUKUPI KERANA JUGA PERLU KEPADA DISIPLIN, KETERTIBAN DAN KESOPANAN, KEPADA BERANIAN, BUDI BAHASA BAIK, KERAJINAN DAN LAIN-LAIN NILAI MULIA YANG DITUNTUT OLEH AGAMA DAN BOLEH MENJADIKAN NEGARA LEBIH BAHAGIA.

-- LAGI 1523/LK

MAHATHIR-BCA 3 KUALA LUMPUR

BELIAU MENERANGKAN KERAJAAN MAHU NEGARA INI MAJU BUKAN KERANA BERHAJAT SEMATA-MATA KEPADA KEHIDUPAN MEWAH, TETAPI ATAS KESEDARAN BAHAWA TIDAK ADA PENGHORMATAN KEPADA NEGARA DAN BANGSA YANG DAIF DAN MUNDUR.

KATANYA CUMA MEREKA YANG TIDAK BERMARUAH SAHAJA YANG SANGGUP BANGSA DAN NEGARANYA DIHINAKAN DAN MATLAMAT KERAJAAN IALAH MEMELIHARA KEDAULATAN NEGARA DAN MARUAH BANGSA MALAYSIA.

''UNTUK MEMELIHARA MARUAH DAN KEHORMATAN, KITA HARUS MENGUASAI SEGALA BIDANG YANG KINI DIMILIKI OLEH BANGSA-BANGSA YANG MAJU, HANYA APABILA KITA SETANDING DENGAN MEREKA, BAHARULAH KITA TIDAK AKAN DIPERMAIN DAN DIPERBUDAK-BUDAKKAN.'' TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN BERCAKAP DENGAN PANJANG LEBAR MENGENAI SIFAT-SIFAT DAN USAHA YANG PERLU DILAKUKAN DALAM MENJAYAKAN KONSEP BCA.

KATANYA KECEKAPAN CUMA DIPEROLEHI MELALUI LATIHAN TERTENTU DAN PENGALAMAN DAN OLEH DEMIKIAN SEMUA KAKITANGAN HENDAKLAH MENGAMALKAN SESUATU KERJA ITU BERKALI-KALI DI SAMPING SEPANJANG MASA MENINGKATKAN KEMAMPUAN MELALUI PENYELIDIKAN DAN PELAJARAN.

''SETIAP ORANG DARI KITA MEMPUYAI KEMAMPUAN YANG ISTIMEWA, DAN KEMAMPUAN INI BOLEH DICANAI MELALUI AMALAN YANG BERTURUT-TURUT ... OLEH ITU BERUSAHALAH.''

-- LAGI 1543/LK

ZCZC 0590:

MAHATHIR-BCA 4 KUALA LUMPUR

AMANAH PULA, MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR, ADALAH PENTING KERANA KUCAR-KACIR TETAP AKAN BERLAKU JIKA KAKITANGAN KERAJAAN YANG DIPERTANGGUNGJAWAB DALAM MENGURUSKAN HARTA KERAJAAN DAN RAKYAT TIDAK BOLEH HARAP ATAU DIPERTANGGUNGJAWABKAN.

BELIAU MEMINTA SUPAYA JANGAN ADA PENYALAHGUNAAN KUASA BERLAKU SAMA ADA KUASA MENGELUARKAN LESEN PENJAJA ATAU MELULUSKAN PROJEK RATUSAN JUTA KERANA IA TETAP MEMBAWA AKIBAT BURUK KEPADA MASYARAKAT.

''JIKA SURAT DARI RAKYAT DIHILANGKAN, ATAU PEMBAYARAN TIDAK DIBUAT MENGIKUT JADUAL, ATAU ARAHAN DI CUAIKAN, MAKA PENTADBIRAN AKAN MENJADI LEMAH DAN TIDAK BERKESAN DAN INI AKAN MENGEKALKAN NEGARA INI SEBAGAI NEGARA MEMBANGUN, PENDUDUKNYA DAIF DALAM SEGALA BIDANG SERTA DIKEJI DAN DIHINA SEPANJANG MASA,'' TAMBAH BELIAU.

-- BERNAMA 1548/LK